

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]**

**TARIKH : 10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) skop tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia dengan Kementerian Dalam Negeri mengenai isu pengambilan pekerja asing; dan
- (b) adakah kementerian komited untuk mengurangkan kos menggaji pembantu rumah asing yang kini merupakan RM15,000 bagi setiap pembantu rumah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Skop dan tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia telah digariskan di bawah Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969. Kementerian Sumber Manusia bertanggungjawab dalam urusan berkaitan penggajian pekerja termasuk pekerja asing selaras dengan undang-undang perburuhan negara. Manakala, Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab dalam isu melibatkan keselamatan negara yang antaranya merangkumi proses masuk dan keluar pekerja bukan warganegara.

## SOALAN NO : 13

2. Berhubung isu kos menggajikan pembantu rumah asing, Kerajaan komited dalam memperkenalkan struktur kos yang munasabah kepada majikan dalam menggajikan pembantu rumah asing. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan adalah mengadakan Memorandum Persefahaman (MoU) bersama negara sumber seperti Kemboja, perundingan dengan Kerajaan Indonesia berhubung penghantaran pekhidmat domestik mereka, memperkenalkan sistem *Maid Online* dan sebagainya.

Setiap perundingan yang dijalankan turut merangkumi penetapan struktur kos yang jelas dan munasabah di pihak majikan dan pekhidmat domestik. Walau bagaimanapun, kos-kos luar biasa yang pada masa ini ditanggung majikan adalah disebabkan kegagalan negara sumber untuk mematuhi terma-terma serta kos yang telah dipersetujui dalam MOU yang telah diadakan. Ini kerana kerajaan negara sumber mengalami kesukaran untuk mengawal dan membendung penglibatan agen-agen (*middle men*) dalam proses perekrutan.

3. Kerajaan prihatin kepada dilema yang dialami oleh majikan yang terpaksa menanggung kos yang tinggi dalam pengambilan pembantu rumah asing. Justeru, Kerajaan akan sentiasa mencari jalan terbaik dalam mengatasi permasalahan ini dan mengurangkan beban majikan.